

MP UMNO

LAGI BERITA
UMNO
DI MUKA 2

(LAMA) AKAN

MM 22 MAY 1988

DI SINGKIR

Oleh Rozaid Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 21 Mei — Semua **K**ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri daripada UMNO (lama) yang menentang atau enggan menyertai UMNO (baru) akan disingkirkan daripada Barisan Nasional (BN), tegas **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad**.

Menurutnya, keputusan ini diambil oleh Majlis Tertinggi (MT) UMNO (baru) yang bersidang hari ini.

Beliau menegaskan, perkara ini akan dibawa kepada Dewan Tertinggi Barisan Nasional supaya mereka dapat dikeluarkan dari BN dengan segera.

Keputusan ini bererti tiga ahli Parlimen daripada UMNO (lama) **Datuk Shahrir Samad** (Johor Baharu), **Tawfik Tun Dr. Ismail** (Sungai Benut) dan **Datuk Radzi Sheikh Ahmad** (Kangar) akan tersingkir kerana telah mengisytiharkan diri masing-masing sebagai ahli Bebas.

Di samping mereka, Tengku Razaleigh Hamzah yang sedang berusaha menghidupkan semula UMNO (lama) bersama penyokong - penyokongnya juga akan tersingkir daripada Barisan Nasional.

Ini bermakna mereka semua tidak lagi boleh duduk sebagai penyokong kerajaan dalam Dewan Rakyat dan Dewan - Dewan Undangan Negeri meskipun mereka masih menganggap diri masing - masing sebagai anggota UMNO.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas memengerusikan mesyuarat MT di Seri Perdana hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang selama ini berdiam diri yang menyatakan keengganan menyertai UMNO (baru) atau mengumumkan diri mereka sebagai ahli Bebas akan juga tersingkir.

Presiden UMNO (baru) itu bagaimanapun berkata, jumlah ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang terlibat adalah sedikit.

Peguam Negara baru-baru ini berkata, ahli Parlimen UMNO (lama) yang telah mengisytiharkan diri mereka sebagai ahli Parlimen Bebas akan

LIHAT MUKA 11

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

MP UMNO (LAMA) AKAN DISINGKIR

22 MAY 1988

terus menjadi ahli Parlimen UMNO (lama) sehinggalah BN membuat keputusan ke atas status mereka.

Pada masa ini, wakil-wakil UMNO (baru) dalam BN ialah Datuk Sri Dr. Mahathir, Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba, Bendahari, Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Besar Terengganu, Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dan bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Datuk Sri Dr. Mahathir ialah Pengerusi BN, Encik Ghafar pula menjadi Setiausaha Agung manakala Datuk Paduka Daim ialah Bendahari BN.